

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Ogos
2008
2 ½ Jam



1103/2

JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2008

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan pengeluaran padi negara dan faedah-faedah peningkatannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad memberikan jaminan bahawa negara mempunyai bekalan beras yang mencukupi walaupun berlaku kekurangan bekalan bahan makanan itu di pasaran dunia. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed turut meyakinkan orang ramai supaya tidak panik kerana bekalan beras negara mampu menampung keperluan melebihi tiga bulan.

Memandangkan negara kita masih bergantung kepada import beras, sebarang kenaikan harga sudah pasti akan memberikan impak kepada pembelian bahan makanan ruji terbabit, meskipun mungkin bahang kenaikan tidak akan dirasakan dalam tempoh terdekat ini. Bagi meringankan beban rakyat, kerajaan telah mengeluarkan modal pelaburan yang besar untuk membina infrastruktur seperti parit dan saluran. Kerja penyelidikan juga dipertingkat bagi menghasilkan benih padi yang bermutu tinggi, tahan penyakit dan mampu ditanam dua kali setahun.

Malaysia juga perlu mencapai 90 peratus tahap sara diri kerana pembangunan industri padi dan beras pada masa ini belum berjaya mensasarkan tahap sara diri penuh. Pesawah perlu diberi subsidi harga padi berdasarkan kuantiti yang dijual. Perubahan struktur ekonomi negara berasaskan pertanian sudah banyak mengubah pola pertanian negara khususnya industri padi dan beras. Perubahan itu mewujudkan persaingan sumber seperti tenaga buruh, tanah dan air. Industri padi “perlu menang” kerana banyak tanah pertanian ditukar untuk pembangunan industri dan perumahan. Hasrat kerajaan untuk membangunkan jelapang padi baru di Sabah dan Sarawak merupakan satu alternatif bagi menjamin bekalan beras yang mencukupi.

“Kerancangan pembangunan sektor perindustrian dan perumahan memperlahan pertumbuhan sektor pertanian. Kini purata saiz sawah masih kecil dengan purata dua hektar seorang petani dan purata umur petani dalam lingkungan 55 hingga 60 tahun,” kata Menteri Pertanian. Usaha-usaha untuk memulihkan kawasan yang terbiar atau membuka kawasan pengeluaran yang baru memerlukan pelaburan yang besar. Infrastruktur seperti saluran dan perparitan perlu dibina dan memerlukan pengambilan tanah jika kawasan baru hendak dibuka. Sekiranya pada tahun 1966 projek saluran Muda di Kedah dan Perlis menelan belanja RM238 juta, cuba kita bayangkan berapakah kosnya sekarang.

Apabila bercakap mengenai industri beras, mungkin ramai yang bertanya, mengapa industri ini nampak lebih gah di Thailand. Beras yang dihasilkan di negara tersebut juga lebih berkualiti dan sekarang membanjiri pasaran tempatan. Namun, daripada segi kos pengeluaran, negara kita lebih tinggi berbanding Thailand. Hal ini menjadikan pengeluaran padi kita *kurang berdaya saing* berbanding negara berkenaan. Oleh itu, nilai import beras begitu tinggi, iaitu mencecah RM558 juta pada tahun 2006 dan hampir 25 peratus daripadanya adalah jenis beras wangi. Penyelidikan yang bertumpu pada “Variati Berhasil Tinggi” dijangka meningkatkan produktiviti dan menaikkan tahap sara diri. Penggredan padi dilakukan daripada aspek tahap kematangan dan kandungan kelembapan padi.

(Diubahsuaikan daripada *Industri Tanaman Padi Negara Perlu Dipertingkat*, Utusan Malaysia, April 2008)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kurang berdaya saing*. [2 markah]
- (ii) Apakah kesan perubahan sektor pertanian pada ekonomi negara? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat negara kita kurang melibatkan diri dalam sektor pertanian? [4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku menggenggam erat kelima-lima jari kanan. Kuhentak meja, melepaskan geram. Ah, segala-galanya sungguh kejam! Mengapa semuanya itu harus menimpa aku yang tidak berdaya? Aku yang kerap mendengus apabila menerima hempapan konkrit rumit. Sejurus itu kata-kata seorang teman yang setia menyua harapan dan ketenteraman luhur yang tidak terhingga menyinggah.

“Allah hanya akan menguji hamba-Nya mengikut kekuatan akal dan imannya. Tidak diberatkan dengan apa yang berada di luar daya hamba-Nya. Insya-Allah ada hikmat yang tersirat, yang sebenarnya kita sendiri tidak menyedarinya. Percayalah.”

Sebentar itu aku kian melihat, menilai dan mentafsir bicara sahabat terbaik yang kini sedang menuntut di Kaherah. Tetapi sebentar itu aku mendengus lagi. Ah, sesiapa sahaja boleh mengucapkannya! Aku yang *menelan jadamnya*. Aku!

- Abah tak pernah cuba faham perasaan Zel!
- Jangan cakap begitu Zel, Zel silap....
- Oh abah, Zel memang selalu silap. Zel memang anak abah yang selalu tak pernah betul. Tapi abah sejak dulu tak pernah cuba untuk mengerti, memahami tentang diri Zel. Tentang keinginan Zel. Tentang harapan Zel. Tentang masa depan Zel. Ah, abah ... abah ... abah ... Zel benar-benar kecewa! Cukup kecewa dengan apa yang telah berlaku antara abah, ma dan Zel. Zel kecewa dengan keadaan keluarga kita, abah.

- Abah tak dapat berbuat apa-apa. Ma Zel terlalu keras.

(Dipetik daripada cerpen *Virus Zel Untuk Abah* dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menelan jadamnya*? [2 markah]
- (ii) Mengapakah Zel kecewa dengan sikap abahnya? [4 markah]
- (iii) Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan dua pengajaran daripada keseluruhan cerpen. [3 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku menggenggam erat kelima-lima jari kanan. Kuhentak meja, melepaskan geram. Ah, segala-galanya sungguh kejam! Mengapa semuanya itu harus menimpa aku yang tidak berdaya? Aku yang kerap mendengus apabila menerima hempapan konkrit rumit. Sejurus itu kata-kata seorang teman yang setia menyua harapan dan ketenteraman luhur yang tidak terhingga menyinggah.

“Allah hanya akan menguji hamba-Nya mengikut kekuatan akal dan imannya. Tidak diberatkan dengan apa yang berada di luar daya hamba-Nya. Insya-Allah ada hikmat yang tersirat, yang sebenarnya kita sendiri tidak menyedarinya. Percayalah.”

Sebentar itu aku kian melihat, menilai dan mentafsir bicara sahabat terbaik yang kini sedang menuntut di Kaherah. Tetapi sebentar itu aku mendengus lagi. Ah, sesiapa sahaja boleh mengucapkannya! Aku yang *menelan jadamnya*. Aku!

- Abah tak pernah cuba faham perasaan Zel!
- Jangan cakap begitu Zel, Zel silap.....
- Oh abah, Zel memang selalu silap. Zel memang anak abah yang selalu tak pernah

betul. Tapi abah sejak dulu tak pernah cuba untuk mengerti, memahami tentang diri Zel. Tentang keinginan Zel. Tentang harapan Zel. Tentang masa depan Zel. Ah, abah ... abah ... abah ... Zel benar-benar kecewa! Cukup kecewa dengan apa yang telah berlaku antara abah, ma dan Zel. Zel kecewa dengan keadaan keluarga kita, abah.

- Abah tak dapat berbuat apa-apa. Ma Zel terlalu keras.

(Dipetik daripada cerpen *Virus Zel Untuk Abah* dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menelan jadamnya*? [2 markah]
- (ii) Mengapakah Zel kecewa dengan sikap abahnya? [4 markah]
- (iii) Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan dua pengajaran daripada keseluruhan cerpen. [3 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka diambilnya bayan tua seekor yang tinggal itu hendak disembelihnya. Maka kata bayan itu, "Hai budak, jika engkau bunuh aku, tiada akan kenyang engkau makan dagingku yang sekepal ini, melainkan engkau jualkanlah aku ini dengan harga dua ribu dinar boleh engkau makan sampai anak cucumu! Bawalah aku ini kepada raja di dalam negeri ini. Kudengar ada penyakit sopak pada kaki raja itu dan tangannya. Aku tahu ilmu tabib. *Akulah mengubati dia.*"

Setelah didengar oleh budak itu, maka dibawanya bayan itu kepada raja itu. Apabila tiba ia kepada orang penunggu pintu raja itu, maka kata budak itu, "Hai penunggu pintu, tuan hamba persembahkanlah kepada raja bahawa adalah hamba berjual seekor burung bayan, tahu ia akan ilmu tabib! Maka harganya empat ribu dinar."

Maka oleh penunggu pintu itu dipersembahkannya kepada raja. Maka titah raja, "Bawalah ia masuk."

Setelah sudah budak itu masuk, maka titah raja, "Hai kanak-kanak, hendak dijualkan burungmu itu? Berapa harganya?"

Maka sembah budak itu, "Empat ribu dinar, tuanku."

Maka titah raja seraya tersenyum, "Berapakah engkau katakan tiada layak? Bukan harganya demikian itu, unggas sekepal ini."

(Dipetik daripada *Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya*, dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah yang dimaksudkan oleh burung itu apabila berkata, "*Akulah mengubati dia.*"
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah bayan tua melepaskan diri daripada dibunuh oleh budak itu?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, adakah raja akan membeli burung itu? Berikan alasan anda.
[3 markah]

Soalan 2(d) Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.

ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir ialah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim

Zam Ismail
Kasut Hitler, 1996
Mingguan Malaysia, 4 Jun 1995
Dipetik dari Antologi Anak Laut,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Mengapakah pengguna jalan raya cenderung untuk menunjukkan sikap rakus di jalan raya? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara kita? [3 markah]
- (iii) Jelaskan tiga pengajaran yang boleh diambil daripada sajak di atas. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis dua ayat bagi setiap kata di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) semak
- (ii) rendang
- (iii) pelekat

[6 markah]

- (b) Tulis petikan di bawah ini dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

Marwan pulang ke rumah dengan perasaan gembira. Dari jauh dia telah memanggil ibunya dan memberitahu ibunya bahawa dia berjaya masuk ke universiti. Ibu Marwan melahirkan rasa bersyukurnya atas kejayaan Marwan itu, dan seterusnya bertanyakan nama universiti yang Marwan berpeluang untuk meneruskan pengajiannya itu. Marwan mengatakan bahawa dia berpeluang untuk melanjutkan pengajiannya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Ibu Marwan bertanya kepada Marwan lagi tentang tarikh Marwan akan ke universiti tersebut. Marwan menjelaskan bahawa dia akan mendaftar diri di universiti berkenaan pada minggu depan. Mendengarkan jawapan daripada Marwan itu, ibu Marwan menegaskan bahawa jika begitu keadaannya, malam lusa mereka akan mengadakan kenduri kesyukuran.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Lazimnya, aktiviti pengkayaan dalam matapelajaran Bahasa Melayu terdiri daripada bacaan luas, permainan bahasa, dan penulisan.
- (ii) Pekerja-pekerja kilang getah itu memeroses susu getah sehingga menjadi beku dan kemudian bahan tersebut dinipiskan dengan menggunakan mesin.
- (iii) Bot itu meluncur dengan lajunya ke destinasi yang ditetapkan supaya sampai ke pengkalannya dalam masa yang dijadual.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Dalam agenda lain-lain hal, pegawai telah mengingatkan setiausahanya supaya mencatat setiap pertanyaan ahli sebelum mesyuarat diberhentikan.
- (ii) Pesilat itu melompat ke kiri dan kanan ketika mempersembahkan reaksi yang mantap untuk menarik perhatian penonton dan para pengadil.
- (iii) Setengah guru berpendapat bahawa hukuman rotan yang saban hari mendapat tumpuan media massa kurang berjaya untuk mendisiplinkan murid-murid.

[6 markah]

(e) *Bina ayat dengan menggunakan peribahasa di bawah.*

- (j) Paku Belanda
- (ii) Bersekutu bertambah mutu
- (iii) Seperti rumput di tepi jalan

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Pemerian yang dibuat oleh pengarang melalui sesebuah novel adalah secara umum menggambarkan corak kehidupan sesuatu kelompok manusia yang mendasari cerita. Nyatakan **tiga** bukti hakikat hidup bermasyarakat yang terdapat dalam novel yang anda kaji.

[7 markah]

- (b) Teknik plot ialah teknik penceritaan oleh pengarang mengenai watak-watak. Jelaskan **dua** teknik imbas kembali daripada dua novel yang anda kaji.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT